



MAJLIS ISLAM SARAWAK

ASSALAM

M A J L I S I S L A M S A R A W A K

EDISI 2/2024



Menggapai

Redha Allah

dengan Ibadah & Ilmu

ISSN 2948-4103



9772948410005

EDARAN PERCUMA



Sidang Editor

Penaung

Yang Dipertua MIS

Datuk Haji Misnu bin Haji Taha

Penaung II

Mufti Sarawak

Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin

Ketua Editor

Dr. Hajah Asmah binti Othman

Timbalan Ketua Editor

Tazudin Mohtar

Editor Kanan

Madihah bt Haji Salleh

Radiyah binti Affandi

Hasroliza binti Bolhassan

Noraida binti Sharif

Editor Bersekutu

Muhamad Zakaria bin Haji Ashmat

Muhammad Hishyamuddin bin Yahya

Zubair bin Mustafa

Nur Rahimin bin Rahim

Ustaz Haji Fadlullah bin Abdullah

Huda Diyana binti Datu Haji Kipli

Azwan Kajang

Nur Farahen binti Yunus

Nur Atikah binti Bujang

Adi Azhar bin Haji Muhd Rusdi

Pereka Grafik & Pereka Letak

IIC-MIS

Sekretariat

IIC-MIS

Penerbit Buletin

Majlis Islam Sarawak

Diterbitkan oleh

Majlis Islam Sarawak

Pejabat Majlis Islam Sarawak

Aras 16 & 17, Majma' Tuanku Abdul Halim

Mu'adzam Shah

Jalan P.Ramlee

93400 Kuching

Tel. : 082-507251

04 TINTA PERSADA

Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak

05 DARI MEJA KETUA EDITOR

06 GALERI PERSADA

- Majlis Khatam Al-Quran & Iftar Perdana Agensi-Agensi Islam Sarawak
- Ramadhan di Masjid Istiqlal, Jakarta
- JMS Mencipta Kegemilangan
- International Seminar on Islamic Education 2023 (ISIE 2023)
- Muktamar Masjid-Masjid Serantau 1444H/2023M
- Astronomi: Korelasi Jagatraya dan Manusia
- Majlis Kesyukuran Perdana Sempena 60 Tahun Sarawak Merdeka
- Ijtimak Ilmuwan Islam Antarabangsa 2023
- Festival Kreativiti dan Inovasi Islam (FesKII) 2023
- 'Journey Into Space'
- Simposium Kaunseling Kekeluargaan Peringkat Kebangsaan Tahun 2023M/1445H

Hak Cipta 2024 Majlis Islam Sarawak. Hak Cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, sama ada secara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu kecuali untuk tujuan ulasan.

03





TINTA PERSADA

**YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha
Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah Sallahahu 'Alaihi Wasallam serta ahli keluarga baginda dan para sahabat Radiallahu Anhum Ajma'in.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Sidang Editor Buletin Assalam atas komitmen serta usaha gigih dalam menerbitkan edisi sulung bagi tahun 2024. Edisi ini amat ditunggu-tunggu kerana buletin ini berperanan sebagai medium utama untuk menyampaikan maklumat serta informasi berkenaan hal ehwal Islam di Sarawak, terutamanya program dan aktiviti yang telah berlangsung dari Januari hingga Jun.

Buletin ini memainkan peranan penting dalam memaparkan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Majlis Islam Sarawak dan agensi-agensinya, yang bertujuan memperkasa ummah serta meningkatkan kesedaran tentang pentingnya perpaduan dalam masyarakat Islam.

Sebagai peneraju institusi agama Islam di negeri ini, Majlis Islam Sarawak komited untuk terus menyediakan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, selaras dengan visi "**Pemacu Khairu Ummah**". Penerbitan buletin ini merupakan salah satu usaha kami untuk memastikan masyarakat Islam mendapat akses kepada maklumat yang tepat, selain menjadi wadah bagi menyebarkan dakwah dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

Saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Sidang Editor Buletin Assalam atas kesungguhan mereka dalam menerbitkan buletin yang berkualiti ini. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan masa, tenaga, dan idea bagi menjayakan penerbitan edisi sulung ini. Sesungguhnya, usaha gigih anda semua adalah amat dihargai dan saya berdoa agar Allah SWT sentiasa memberkati setiap langkah kita dalam memperkukuh syiar Islam di bumi Sarawak ini.

Diharapkan buletin ini dapat terus berperanan sebagai platform yang berkesan dalam menyebarkan maklumat, meningkatkan kesedaran tentang ajaran Islam, serta menggalakkan interaksi yang positif di antara anggota masyarakat. Semoga dengan usaha yang berterusan ini, kita dapat merapatkan lagi hubungan sesama umat dan mengukuhkan ukhuwah Islamiyyah dalam komuniti.

Sekian, terima kasih atas segala sokongan dan kerjasama semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini.

Wabillahitaufik walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Dari Meja Ketua Editor

YBhg. Dr. Hajah Asmah binti Othman

Ketua Pegawai Eksekutif

Pusat Penerangan Islam - Majlis Islam Sarawak

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah Rabbil'Alamin, segala pujian dan rasa kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah Subhanahuwataala, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahualaihiwassallam, para sahabat serta ahli keluarga baginda sekalian.

Sebagai Ketua Editor Buletin Assalam, saya dengan rendah hati mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam penerbitan edisi sulung bagi tahun 2024 ini. Buletin ini merupakan platform penting untuk menyampaikan maklumat berkaitan hal ehwal Islam di Sarawak, khususnya dalam mengetengahkan pelbagai program, aktiviti, dan inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tempoh Januari hingga Jun. Penerbitan buletin ini adalah sejajar dengan hasrat dan komitmen Majlis Islam Sarawak dalam memperkasa ummah, memupuk kesedaran tentang pentingnya perpaduan, serta memperkukuhkan syiar Islam di negeri ini.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak atas sokongan berterusan yang diberikan kepada penerbitan ini, serta kepada semua ahli sidang editor yang telah bekerja keras menghasilkan buletin yang berkualiti. Tidak dilupakan, terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang masa, tenaga, dan idea bagi memastikan kelancaran penerbitan edisi ini.

Semoga usaha kita bersama ini diberkati oleh Allah SWT dan menjadi pencetus kepada pengukuhan ukhuwah Islamiyyah dalam kalangan masyarakat. Saya percaya, dengan kerjasama yang berterusan daripada semua pihak, Buletin Assalam akan terus berperanan sebagai medium yang efektif dalam menyebarkan maklumat dan menyemarakkan syiar Islam di bumi Sarawak.

Akhir kata, saya berharap edisi ini dapat memberikan manfaat kepada para pembaca serta menjadi inspirasi kepada kita semua untuk terus bersama-sama mendukung usaha ke arah memperkukuhkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Sekian, terima kasih.



Majlis Khatam Al-Quran & Iftar Perdana

AGENCI - AGENSI ISLAM SARAWAK

Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah menghadiri **Majlis Khatam Al-Quran & Iftar Perdana Agensi-Agensi Islam Sarawak** bertempat di Dewan Kompleks Islam Sarawak pada 5 April 2024.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Imam Besar Sarawak Sahibul Fadhilah Dato Haji Mustapha Kamal bin Haji Ahmad Fauzi dan turut disertai oleh Premier Sarawak serta dif-dif kenamaan yang lain.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan acara penyampaian sumbangan kepada 120 orang Urusetia Saudara Kita yang juga merupakan NGO bebas dibawah seliaan Majlis Islam Sarawak. Yang Amat Berhormat Premier serta isteri turut berkesempatan menunaikan Solat Fardu Maghrib, Isyak dan seterusnya Solat Sunat Tarawih bersama-sama hadirin yang hadir.



Antara yang turut hadir ialah isteri Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Amar Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang, Setiausaha Kerajaan Sarawak Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah, Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti), Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak Datuk Haji Misnu Haji Taha dan dif-dif kenamaan yang lain.

Ramadhan di Masjid Istiqlal, Jakarta

SELASA - 26 Mac 2024

Islamic Information Centre - Majlis Islam Sarawak (IIC-MIS) telah dilantik sebagai sekretariat bagi **Mosque Strategic and Smart Networking Centre (MSSNC)** rentetan daripada resolusi program Muktamar Masjid-Masjid Serantau anjuran Jabatan Agama Islam Sarawak pada 6 Julai 2023.

OBJEKTIF

- Mencapai agenda pembangunan ummah berkualiti
- Memantapkan fungsi dan peranan institusi masjid sebagai tempat ibadah, pengembangan ilmu, pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial
- Membina dan mengeratkan jaringan kerjasama diantara Masjid-masjid serantau
- Menjadi wadah kepada para ilmuan dalam pelbagai bidang untuk berkongsi serta menyumbang idea dan amalan terbaik dalam pengurusan masjid

Oleh itu, pada 26 Mac 2024 (Selasa) bersamaan 15 Ramadan 1445H, Islamic Information Centre-Majlis Islam Sarawak telah menganjurkan satu program perkongsian untuk bidang pengimarah masjid bersama Masjid Istiqlal, Jakarta Indonesia.

Terdapat 61 buah masjid telah dijemput untuk menyertai sesi perkongsian tersebut. Antara masjid yang turut serta adalah masjid dari Negara Brunei Darussalam, Singapura, Indonesia, Semenanjung Malaysia, Sabah dan juga masjid dari beberapa bahagian di Sarawak.



Antara 5 bidang yang difokuskan dalam pelan tindakan Mosque Strategic and Smart Networking Centre

Pada sesi perkongsian tersebut, pihak pengurusan Masjid Istiqlal telah berkongsi tentang tatacara pengurusan program dan program pengimarah Masjid sepanjang bulan Ramadhan bagi tahun 2024 di Masjid Istiqlal Jakarta Indonesia. Terdapat 23 program yang telah dianjurkan oleh pihak pengurusan Masjid Istiqlal sepanjang bulan Ramadhan dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan bagi setiap aktiviti.

Pihak dari Masjid Istiqlal juga menasihati semua ahli jawatankuasa pengurusan Masjid agar sentiasa bertanggungjawab dan amanah dalam menguruskan kewangan dan perbelanjaan untuk program-program masjid. Setiap keringat dan titik peluh yang diusahakan untuk program pengimarah masjid akan mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT.

JMS

MENCIPTA KEGEMILANGAN

Pada 22 dan 24 Februari 2024 yang lalu Jabatan Mufti Sarawak (JMS) telah menyertai Malaysia Technology Expo Technology Tahun 2024 (MTE 2024) yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur (PWTC) dan telah mempertandingkan 2 (dua) projek iaitu **iTibyan & Multi Astro Sarawak (MULASSAR)**:

Sistem iTibyan

iTibyan merupakan sistem yang berasaskan laman sesawang (*website*) dan aplikasi telefon yang membolehkan pengurusan perkhidmatan fatwa dan falak di JMS diuruskan secara berpusat dan mudah dicapai. Ia dinamakan iTibyan kerana Tibyan dalam bahasa Arab bermaksud penjelasan. Ia seiring dengan fungsi Jabatan Mufti Sarawak sebagai sebuah badan berautoriti yang menyediakan rujukan kepada masyarakat dalam hal ehwal fatwa dan falak di Sarawak khususnya.



Pameran daripada Jabatan Mufti Sarawak (JMS) di Malaysia Technology Expo Technology Tahun 2024 (MTE 2024)



PERKHIDMATAN DALAM TALIAN JABATAN MUFTI SARAWAK

Layari Portal Rasmi Jabatan Mufti Sarawak untuk mendapatkan perkhidmatan berikut:

- | | |
|--|--|
| 01 Kemusykilan Agama | 04 Info Falak |
| 02 Jadual Waktu Solat dan Berbuka Puasa | 05 Irsyad (Koleksi Kemusykilan Agama) |
| 03 Info Fatwa | 06 Info Terbitan |

Perkhidmatan ini juga boleh diakses melalui capaian iTibyan dalam aplikasi Sarawak Gov (boleh muat turun melalui Google Play Store dan App Store).

JMS menawarkan 6 perkhidmatan dalam talian melalui sistem ini iaitu pertanyaan **kemusykilan agama, info fatwa, info falak, jadual waktu solat, koleksi kemusykilan agama (Irsyad) dan info bahan terbitan JMS**. Orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut melalui Portal Rasmi JMS dan juga capaian iTibyan dalam aplikasi Sarawak Gov.


Semoga perkhidmatan ini dapat dimanfaatkan dan JMS sentiasa bersedia membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa dalam memastikan penyampaian perkhidmatan disampaikan efisien dan berkualiti.

Multi Astro Sarawak

Multi Astro Sarawak (MULASSAR) adalah sebuah inovasi instrumen yang telah diwujudkan atas inisiatif Jabatan Mufti Sarawak (JMS).

Instrumen tersebut dinamakan sebagai multi kerana menggabungkan 6 buah instrumen falak klasik yang mempunyai pelbagai fungsi. Astro merujuk kepada perkataan astronomi atau falak yang merupakan cabang sains yang melibatkan pengetahuan berkaitan jasad cakerawala seperti matahari, bulan, planet, bintang, galaksi dan lain-lain. Sarawak pula merujuk kepada wilayah di mana instrumen ini dibangunkan.

MULASSAR menggabungkan **6 instrumen klasik falak** iaitu:



Instrumen MULASSAR

Ia dicipta bagi memudahkan simulasi berkaitan ilmu falak dan kaitannya dengan ibadah. Ciri unik dan interaktif pada instrumen ini dapat menarik minat generasi baharu untuk mempelajari dan meneroka ilmu falak.

Alhamdulillah kedua-dua projek ini telah mendapat *Silver Award*. Kejayaan ini menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga JMS untuk terus memberikan yang terbaik dalam memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dengan efisien.

MULASSAR berfungsi bagi mengenalpasti kedudukan dan ketinggian objek-objek langit, menentukan fasa-fasa bulan, menghitung waktu terbit dan terbenam matahari, membuat hitungan trigonometri, deklinasi, waktu tempatan, waktu solat, mengukur jarak lokasi, keluasan, kedalaman sesuatu kawasan dan arah kiblat.



Lawatan Penanda Aras



JABATAN PERUNDANGAN

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

KHAMIS - 22 Februari 2024 | 19 Syaaban 1445H

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak telah menerima kunjungan daripada Jabatan Perundangan Majlis Bandaraya Shah Alam. Rombongan lawatan adalah sebagai penanda aras dalam pelaksanaan Sistem i-Syariah oleh Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak. Antara perkara yang menjadi fokus utama dalam lawatan ini adalah Rangka Pembangunan Sistem i-Syariah serta penggunaan Tandatangan Digital sebagai salah satu komponen sistem tersebut. Rombongan seramai 14 orang diketuai oleh Pegawai Undang-Undang Kanan, Jabatan Perundangan Majlis Bandaraya Shah Alam, Puan Aziana bt Mohamad Aripin.



Rombongan lawatan diberi penerangan tentang Sistem CRT & VCS di Dewan Mahkamah oleh Tuan Haji Najjaruddin B Nedri



Rombongan lawatan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam dibawa melawat ke Dewan-dewan Mahkamah Syariah yang baru.

Rombongan lawatan sempat dibawa melawat ke Dewan-dewan Mahkamah Syariah yang telah dilengkapi dengan Sistem Syariah Court Recording & Transcribing (CRT) dan Video Conference System (VCS). Taklimat telah dikendalikan oleh Tuan Haji Najjarudin bin Nedri, Pegawai Sulh Kanan, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak.



Sesi taklimat dan perkongsian berkenaan Sistem i-Syariah antara rombongan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam bersama pasukan Pentadbir Sistem.



Majlis 'Ihya' Ramadan

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK (JKSS) - ZON TENGAH

SABTU - 30 Mac 2024 | 19 Ramadan 1445H

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak melalui Unit Integriti dengan kerjasama Kelab Kebajikan & Rekreasi Jabatan Kehakiman Syariah telah menjayakan **Majlis Ihya' Ramadan** bertempat di Dewan Kompleks Islam Sibü. Program ini bertujuan untuk menyantuni dan menyampaikan sumbangan berbentuk bakul makanan dan berbuka puasa bersama 15 orang asnaf terpilih dari Bahagian Sibü. Majlis diselitkan dengan Ceramah Integriti daripada Tuan Idris bin Abdul Kadir, Hakim Syarie Bahagian Sibü. Majlis diserikan dengan Khatam Al-Quran yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Bahagian Sibü, Sarikei, Mukah & Kapit.



Penyampaian sumbangan berbentuk bakul makanan kepada asnaf-asnaf yang terpilih di sekitar Bahagian Sibü

Majlis telah dihadiri hampir 100 orang yang terdiri daripada penerima sumbangan, kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Zon Tengah bersama keluarga. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Amat Arif Datu Haji Awg Suhaili Bin Ledi, Ketua Hakim Syarie Sarawak.



Penerima-penerima sumbangan yang diraikan dalam Majlis Ihtiyah Ramadan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Zon Tengah 2024



Yang Amat Arif Datu Haji Awg Suhaili menyampaikan ucapan perasmian.



Majlis Khatam Al-Quran oleh kakitangan JKSS dari Bahagian Sibü, Mukah, Sarikei dan Kapit.



Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Sarawak mengagih Bunga Telur untuk Majlis Khatam Al-Quran kepada penerima sumbangan.




Sesi taklimat kepada rombongan lawatan berkenaan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh Jawatankuasa EKSA Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak



Sesi soal jawab dan perkongsian Rombongan Lawatan yang diketuai oleh Encik Zainuddin Bin Manaf, Pengarah JANMNS selaku Pengerusi Jawatankuasa EKSA JANMNS

Lawatan Penanda Aras



EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SARAWAK (JANMNS)

ISNIN - 29 April 2024 | 20 Syawal 1445H

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak telah menerima lawatan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak (JANMNS) sebagai Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam. Sebagai Jabatan yang telah diiktiraf dengan persijilan EKSA daripada pihak MAMPU, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak telah menjadi suri tauladan kepada JANMNS yang ingin memulakan pelaksanaan EKSA.

Rombongan yang terdiri daripada seramai 25 orang pegawai diketuai oleh Encik Zainuddin Bin Manaf, Pengarah JANMNS selaku Pengerusi Jawatankuasa EKSA JANMNS. Rombongan telah dibawa melawat aras ke aras Bangunan Mahkamah Syariah Sarawak bagi melihat sendiri pelaksanaan EKSA di ruang-ruang pejabat. Banyak perkongsian yang telah dibuat terutama sekali berkenaan struktur Jawatankuasa EKSA JKSS serta dokumentasi yang menjadi elemen utama dalam permarkahan Audit Persijilan EKSA oleh pihak MAMPU.





KURSUS KEFASILITATORAN & PENYAMPAIAN WATIKAH FASILITATOR BPP-MIS

Kursus Fasilitator dan Penyampaian Watikah Fasilitator BPP-MIS merupakan satu inisiatif yang penting dalam usaha meningkatkan kualiti dan keupayaan fasilitator di seluruh negara. Program ini bertujuan untuk memperkaya kemahiran baharu, meningkatkan keyakinan diri, serta membantu para fasilitator dalam mencapai tahap pencapaian yang lebih tinggi dalam peranan mereka.

Kursus ini dilaksanakan mengikut zon dengan butiran seperti berikut:

ZON SELATAN

9 Mac 2024 | RAIA Hotel Convention Centre, Kuching
63 peserta

ZON TENGAH

11 Mei 2024 | Hotel Premier, Sibu
48 peserta

ZON UTARA

24 - 25 Mei 2024 | Hotel Mega, Miri
51 peserta

Kursus ini turut dilengkapi dengan Majlis Penyampaian Watikah Lantikan kepada semua fasilitator yang terlibat. Majlis ini bukan sahaja menjadi simbolik kepada pengiktirafan terhadap usaha dan dedikasi mereka, tetapi juga menyuntik semangat serta motivasi untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang dalam menyampaikan ilmu kepada komuniti.



Secara keseluruhannya, Kursus Fasilitator dan Penyampaian Watikah Fasilitator BPP-MIS telah mencapai matlamatnya dalam melahirkan fasilitator yang berkemahiran, berkeyakinan dan berdaya saing. Diharapkan, usaha murni ini akan diteruskan pada masa akan datang demi meningkatkan lagi mutu pendidikan ummah.



Kasih Ramadhan TABUNG BAITULMAL SARAWAK

SELASA - 12 Mac 2024

Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan dan Majlis Perasmian Kasih Ramadan bagi tahun 2024 bertempat di Centre Court, Majma Mall, Kuching.

Majlis Perasmian Program Kasih Ramadan telah disempurnakan oleh YBhg. Mejar (K) Datu Haji Abg. Mohd. Shibli Bin Haji Abg. Mohd. Nailie, Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak. Program Kasih Ramadan ini merupakan aktiviti tahunan sepanjang bulan Ramadan yang akan dilaksanakan di seluruh Sarawak melalui Pejabat Bahagian TBS di setiap bahagian dalam meraikan Asnaf dan anak-anak Asnaf di bawah jagaan TBS.

Program ini bertujuan untuk memperhebatkan lagi santunan Asnaf pada bulan Ramadan bagi membantu umat Islam yang memerlukan dalam menyambut bulan Ramadhan yang mulia.



Antara aktiviti yang diadakan sepanjang berlangsungnya Kasih Ramadan ialah penyerahan bantuan kepada penerima Bantuan Saraan Hidup TBS, aktiviti berbuka puasa, penyerahan bubur lambuk, iftar perdana bersama pelajar-pelajar tahfiz dan sebagainya.

Selain daripada aktiviti sedia ada, buat julung kalinya pihak RTM mengadakan jalinan kerjasama bersama TBS dalam usaha menjayakan program Kasih Ramadan bagi tahun 2024. Terdapat beberapa aktiviti baharu dan pengisian rohani yang telah diselitkan di dalam pelaksanaan program kali ini. Pihak RTM turut serta dalam penyerahan bantuan di lokasi seperti di pusat bandaraya Kuching, Sibul, dan sebagainya.

MUHAMMAD IKHWANUDDIN telah menunjukkan kecemerlangan yang konsisten dalam kerjaya beliau khususnya dalam bidang akuakultur. Beliau telah menjalankan penyelidikan berkaitan teknologi dan ciptaan baharu untuk ketam portunid, udang marin dan akuakultur udang galah yang memberi impak kepada kemajuan pengetahuan. Muhammad Ikhwanuddin menghasilkan penerbitan cemerlang dengan H-indeks SCOPUS sebanyak 30, jumlah petikan SCOPUS sebanyak 3,949 dan jumlah dokumen SCOPUS sebanyak 296. Selain itu, beliau mempunyai 12 penciptaan harta intelek (hak cipta, tanda dagangan dan paten). Beliau juga telah memperoleh 55 geran penyelidikan sebagai Ketua Projek baik dari peringkat kebangsaan, antarabangsa dan juga industri khusus dalam bidang penyelidikan beliau.



Sebagai penyelidik, Ikhwanuddin telah berkongsi kepakaran dan hasil penyelidikan beliau kepada pelbagai agensi kerajaan dan industri berkaitan baik di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara agensi Kerajaan yang telah berkolaborasi dengan beliau adalah Jabatan Perikanan Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Institut Penyelidikan Air Negara Malaysia (NAHRIM), Kementerian Sumber Manusia Malaysia.



Muhammad Ikhwanuddin DEDIKASI DAN SUMBANGAN DALAM BIDANG AKUAKULTUR

Manakala, beberapa industri yang pernah menjalankan penyelidikan bersama beliau adalah seperti Koridor Utara Malaysia, Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd., Ginger and Coconut Development Sdn. Bhd., AM Aquatechnics Sdn. Bhd. dan Kumpulan Rentas Saga. Shantou University, China dan National Taiwan Ocean University, Taiwan pula merupakan antara rakan kolaborasi beliau di peringkat antarabangsa.

Selain sebagai penyelidik, Muhammad Ikhwanuddin juga pernah berkhidmat sebagai ahli panel pakar, terutamanya untuk program dan bidang berkaitan akuakultur untuk organisasi utama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Kementerian Pengajian Tinggi (MyBRAIN 15 – 2019/2020), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin (sebagai Penilai Program), Malaysian Invention and Design Society (MINDS), Jabatan Pendidikan Politeknik, Jabatan Perikanan Malaysia dan Pusat Kemajuan Perikanan Asia Tenggara. Sehingga kini, Muhammad Ikhwanuddin telah mewujudkan jaringan kerjasama dan kolaborasi penyelidikan yang sangat membanggakan baik sesama rakan industri, komuniti setempat dan juga pemegang taruh dalam bidang akuakultur, khususnya.

Sepanjang perkhidmatan, Ikhwanuddin telah memenangi beberapa anugerah antaranya Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang Universiti Malaysia Terengganu (2020) dan Anugerah Kecemerlangan Kepimpinan Akademik (2018). Beliau juga pernah menerima Anugerah Kebesaran Kerajaan Negeri Sarawak (Pingat Perkhidmatan Bakti - Perak) daripada Kerajaan Negeri Serawak pada tahun 2019. Selain itu, kecemerlangan hasil penyelidikan beliau turut diiktiraf apabila buku beliau 'Mud crab of Setiu Wetlands' terbitan Penerbit UMT (2014) telah memenangi melalui Anugerah Buku Negara Anugerah Buku Negara 2015 untuk Buku Umum Terbaik (Kategori Alam Sekitar).

Selain bidang penyelidikan, Ikhwanuddin turut diberi kepercayaan dan diamanahkan dengan beberapa jawatan pentadbiran di UMT. Antaranya, beliau dilantik sebagai ahli Senat Universti, dan juga Pengarah Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), UMT. Beliau juga berkongsi kepakaran beliau dengan beberapa badan dan persatuan kebangsaan seperti Persatuan Perikanan Malaysia serta Persatuan Reka Cipta dan Reka Bentuk Malaysia. Penglibatan beliau turut dipanjangkan ke peringkat antarabangsa antaranya seperti National of Shellfish Association, United States, Asian Council Science Editor, Dubai, UAE dan Asian Fisheries Society. Beliau juga merupakan President, Malaysia Shellfish Society bermula tahun 2023.

Sepanjang berkhidmat di UMT, Ikhwanuddin telah menunjukkan kemahiran perancangan strategik, pengurusan dan kepimpinan sepanjang beliau menerajui AKUATROP dan mengetuai usaha AKUATROP mendapatkan pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan Institusi Tinggi (HICoE), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2020. Sebagai HICoE, AKUATROP berfungsi sebagai sebuah pusat rujukan sehenti atau "one-stop" knowledge transfer. Adalah menjadi hasrat beliau agar AKUATROP menjadi sebuah pusat rujukan dan pemindahan ilmu kepada semua pihak yang berkepentingan di Malaysia khususnya dan di rantau ini amnya.

Selain itu, beliau telah menterjemahkan hasil penyelidikan beliau dengan cemerlang melalui penghasilan penerbitan ilmiah akademik dan turut dilantik dengan beberapa jawatan dalam badan penerbitan jurnal seperti Borneo Journal of Resource Science and Technology, UNIMAS (Editorial Board), Journal of Sustainability Science and Management, UMT (Chief Editor), Saudi Journal of Biological Sciences (International Advisory Boards) and Indonesian Aquaculture Journal (International Editorial Board).

Dalam kerjaya beliau sebagai penyelidik, Muhammad Ikhwanuddin memfokuskan penyelidikannya dan penganjuran latihan untuk menyokong usaha pembangunan penyelidikan, penggubalan dasar, dan pemindahan ilmu bukan sahaja kepada pemimpin masyarakat tetapi juga kepada pihak berkepentingan lain di Malaysia. Antaranya projek penyelidikan beliau adalah pembangunan akuakultur Udang galah, penambahbaikan penghasilan benih semua jantan Udang galah dan pembangunan teknologi neo-female Udang marin. Beliau juga menunjukkan komitmen dengan komuniti setempat dengan dilantik dalam beberapa jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat, Persatuan Dayak Muslim Kebangsaan, Presiden, Persatuan Dayak Muslim Kebangsaan, Terengganu dan penglibatan dengan program Profesor di Sekolah untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Haji Mohd Said, Terengganu.

Di negeri Terengganu, Ikhwanuddin telah mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran teknikal beliau dalam membantu komuniti pantai tempatan antaranya seperti nelayan pendalaman, Kuala Terengganu, Terengganu, komuniti nelayan pantai, Setiu, Persatuan Penternak Udang Galah, Marang, dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Kampung Gong Batu, Setiu, Terengganu. Beliau turut mendapat rujukan daripada beberapa negeri seperti Selangor, Perak, Johor, Kedah, Terengganu dan Kelantan dalam pembangunan akuakultur Udang galah dan Ketam nipah. Beliau juga aktif menambah baik dan menubuhkan kolam kultur bakau ketam, pengeluaran benih ketam portunid, membangunkan formulasi makanan untuk induk dan larvikultur ketam portunid yang secara langsung meningkatkan peningkatan stok ketam portunid di Malaysia seterusnya membantu meningkatkan usaha pemuliharaan program akuakultur Malaysia. Beliau juga menyumbang kepada kepimpinan pemikiran di rantau ini yang membantu pelbagai komuniti untuk meningkatkan daya saing, kualiti hidup dan kesejahteraan mereka.

Atas kredibiliti dan ketokohan beliau, ikhwanuddin telah berjaya mewujudkan jaringan dan perkongsian kerjasama antara komuniti penyelidik tempatan dan global. Beliau mempunyai jaringan penyelidikan dan sering menjadi rujukan rakan penyelidik dalam beberapa projek penyelidikan antaranya berkaitan Ketam nipah bersama Universitas Hasanuddin, Indonesia, dan Research Institute for Coastal Aquaculture Indonesia, Pembangunan Ketam renjong bersama Blue Swimming Crab Fishery Management, Pattani Bay Thailand bersama Prince of Songkla University. Beliau juga mempunyai kerjasama dengan Shantou University (STU), China melalui STU-UMT Joint Shellfish Research Laboratory. Ikhwanuddin juga merupakan individu yang mengusahakan pembangunan makmal penyelidikan bersama antarabangsa ini dengan memfokuskan kepada penyelidikan berkaitan portunid crabs khususnya dan kerang-kerangan amnya.

Muhammad Ikhwanuddin secara aktif menunjukkan komitmen untuk menerapkan kepakaran dan kemahiran teknikal dalam memajukan kerjasama serantau dan antarabangsa melalui pelantikannya sebagai Profesor Pelawat di Tokyo University of Marine Science and Technology, Jepun (2016), Shantou University, China (2017 - 2025), National Taiwan Ocean University, Taiwan (2018 - 2024), Artemia Research Centre, Gent University, Belgium (2017 - 2021), Fakultas Perikanan dan Kelautan, Universitas Brawijaya, Indonesia (2023) dan Fakultas Perikanan dan Kelautan, Universitas Airlangga, Indonesia (2021/2022 & 2024/2025). Beliau juga berjaya bekerjasama dengan negara lain dari benua berbeza seperti Universiti Qatar, Qatar (benua Afrika) dan Universiti Persekutuan Paraná, Brazil (benua Amerika Selatan) dan Saskatchewan University, Canada (benua Amerika Utara), Scotland Rural University College, Scotland (benua Europa).

Sepanjang bergelar ahli akademik, Ikhwanuddin telah membantu membangunkan modal aset yang bakal menjadi pelapis dalam penyelidikan yang diusahakan. Beliau secara aktif membantu pelajar penyelidikan, penyelidik pasca doktoral dan penyelidik kerjaya awal mendapatkan geran kompetitif, geran berkaitan industri, hubungan dengan industri dan pihak berkepentingan luar yang lain, menjana penerbitan berimpak tinggi seterusnya pembangunan R&D bersifat translasional. Sehingga 2023, Muhammad Ikhwanuddin berjaya menggraduankan 14 pelajar PhD dan 25 pelajar MSc sebagai Penyelia Utama, selain menyelia enam Pasca Doktoral. Beliau juga aktif berkhidmat sebagai penyemak dan editor jurnal dan penerbitan yang terkenal dalam bidangnya.

Sehingga 2022, Ikhwanuddin telah disenaraikan sebagai penyelidik 3 teratas di dunia dalam penyelidikan utamanya mengenai ketam, dan pertama di Malaysia dalam kajian berkaitan akuakultur (rujukan pangkalan data SCOPUS). Sebagai penyelidik akuakultur, beliau berada di kedudukan sebagai penyelidik terbaik 30 teratas di dunia dan menduduki tempat ke-3 di Asia serta pertama seumpamanya di Malaysia. Muhammad Ikhwanuddin juga tersenarai sebagai Penyelidik 2% Teratas Dunia Stanford (Stanford's World's Top 2% Researchers) untuk senarai tahun 2021 dan 2022.



Ceramah sempena Nuzul Al Quran yang disampaikan oleh Al Fadhil Ustaz Arif bin Suhadat dari Jabatan Mufti Sarawak



Majlis penyerahan sijil kepada para pemenang di Majlis Penutupan Ihya Ramadhan Peringkat MATTARY oleh Pemangku Guru Besar, Puan Misiah Wajhi

Ihya' Ramadhan PERINGKAT MATTARY 2024

Program Ihya' Ramadhan ini dianjurkan sempena bulan Ramadhan yang telah dilaksanakan bermula 12 Mac 2024 sehingga 5 April 2024. Program utama dimulai dengan Tadarus Al Quran yang dijalankan dari 12 Mac hingga 2 April pada setiap hari Isnin dan Selasa selama satu jam bermula pukul 10 pagi hingga 11 pagi disertai oleh semua warga Mattary.

Selain daripada pengisian perkongsian tazkirah mingguan pada setiap hari Khamis, aktiviti lain seperti Pertandingan Kuiz Ramadhan, Kuiz Nuzul Quran, Pertandingan Khat, Aktiviti Mewarna Kad Raya dan Aktiviti Melukis Poster turut dianjurkan yang melibatkan pelajar Matatry sepanjang program Ihya' Ramadhan ini berlangsung.

Sebagai inisiatif untuk memberi impak yang besar dalam penghayatan Ramadhan tahun ini, satu ceramah khas telah diadakan bersempena dengan Sambutan Nuzul Al Quran Peringkat MATTARY yang melibatkan Ustaz Arif bin Suhadat selaku penceramah jemputan dari Jabatan Mufti Sarawak.

Program ini diakhiri dengan Majlis Penutupan Ihya' Ramadhan pada 4 April 2024 dan sesi penyampaian sijil bagi murid-murid yang mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga bagi semua pertandingan turut dilaksanakan.



Kehadiran bulan mulia iaitu bulan Ramadan sangat ditunggu-tunggu umat Islam pada setiap tahun. Pada bulan yang mengandungi Rahman dan Rahmat Allah SWT ini, umat Islam akan melaksanakan ibadah puasa. Puasa dari sudut syarak adalah **menahan diri daripada makan, minum dan dari perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar sehingga terbenam matahari.**

1001 Hikmah Puasa

Ibadah puasa mampu menjadikan manusia untuk menjadi lebih bertakwa dengan mendekati diri kepada Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 183 yang bermaksud:

“**Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.**”

Ibadah ini mempunyai tujuan yang lebih besar selain daripada menahan diri daripada makan dan minum semata-mata. Hikmah dan ibrah daripada berpuasa mempunyai seribu satu manfaat serta kebaikan.

Puasa mendidik manusia untuk memerdekakan diri daripada penjajahan syaitan. Dengan berpuasa, akan mengurangkan kehendak syahwat manusia. Berpuasa membantu mengawal nafsu dan meningkatkan disiplin diri. Seseorang akan belajar untuk lebih bersabar dan berdisiplin dalam kehidupannya apabila menahan lapar dan dahaga serta menjauhi perbuatan tidak baik.



Tidak dinafikan puasa juga membantu manusia dari segi kesihatan fizikal. Berpuasa dapat memberikan manfaat kesihatan kepada tubuh badan. Ia membantu proses detoksifikasi, mengurangkan risiko penyakit kronik seperti diabetes dan penyakit jantung, serta memperbaiki fungsi sistem pencernaan. Terdapat beberapa kajian menunjukkan bahawa berpuasa dapat membantu mengurangkan berat badan dan meningkatkan metabolisme tubuh.

Puasa bukan sahaja mendidik diri dari segi fizikal sahaja, malah melalui ibadah puasa dapat mendidik manusia dari segi rohani. Ibadah puasa mampu meningkatkan kesedaran sosial dalam diri. Dengan berpuasa, seseorang akan merasai kesusahan orang lain yang kurang bernasib baik. Ini meningkatkan rasa empati dan kesedaran sosial, serta mendorong seseorang untuk lebih bersedekah dan membantu golongan yang memerlukan.

Dengan memahami dan menghayati hikmah berpuasa, diharapkan setiap Muslim dapat menjalani ibadah puasa dengan penuh keikhlasan dan memperoleh manfaat yang maksima dari ibadah ini, baik dari segi rohani, jasmani, mahupun sosial serta beroleh takwa di sisi Allah SWT.

Telecentre Masjid:

MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN DIGITAL KOMUNITI ISLAM

Dalam era globalisasi dan digitalisasi yang pesat, akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi menjadi keperluan asas bagi setiap individu dan komuniti. Menyedari kepentingan ini, BPP-MIS telah mewujudkan **Telecentre Masjid sebagai satu inisiatif untuk menyediakan kemudahan digital kepada masyarakat Islam**. Telecentre masjid bukan sekadar pusat akses kepada komputer dan Internet, tetapi juga berfungsi sebagai pusat ilmu dan komunikasi yang memanfaatkan teknologi digital untuk mengembangkan kemahiran dan pengetahuan komuniti setempat.

Penubuhan telecentre masjid mempunyai beberapa objektif utama yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan pengetahuan komuniti. Antaranya adalah :

OBJEKTIF

- Menyediakan kemudahan bagi pelaksanaan aktiviti keilmuan secara dalam talian
- Mempelbagaikan kaedah pelaksanaan program dan aktiviti keilmuan
- Memperluaskan manfaat keilmuan
- Memudahkan pengurusan data dan maklumat
- Meningkatkan kemahiran digital komuniti setempat
- Menyediakan kemudahan komunikasi digital

Selain itu, telecentre masjid juga mempunyai fungsi yang sangat penting dalam memperkasa peranan masjid sebagai pusat pendidikan, komunikasi, dan maklumat. Antara **fungsi telecentre** adalah:

- Menyediakan capaian yang lebih mudah kepada program dan aktiviti keilmuan
- Meningkatkan kemahiran digital komuniti setempat
- Menyediakan kemudahan komunikasi digital
- Berkongsi ilmu secara lebih meluas
- Berkongsi maklumat dan perkhidmatan

Kuching

- Masjid Al-Abyad, Taman Matang Jaya
- Masjid Nurul Islam, Sematan
- Masjid Darul Ibadah, Semariang Lama
- Masjid Darul Naim, Kg Lintang
- Masjid Darul Iman, Bau

Samarahan

- Masjid An-Najah, Asajaya
- Masjid Darul Ibadah, Pengkalan Kuap
- Masjid Darul Iman, Sadong Jaya
- Masjid Darul Ikhlas, Sindang
- Masjid Jamek, Kg Melayu Balai Ringin

Sri Aman

- Masjid Bandar Sri Aman

Betong

- Masjid Al-Muhtadin, Saratok
- Masjid Assabirin Kabong
- Masjid Al-Amin, Beladin

Sibu

- Masjid At-Taqwa, Bintangor
- Masjid An-Nur Sibu

Mukah

- Masjid Jamek, Kg Penakub, Permai
- Masjid Darul Ibadah, Rajang

LOKASI TELECENTRE MASJID DI SARAWAK

Miri

- Masjid Darul Ehsan, Piasau Jaya
- Masjid Darul Istiqamah, Kpg Luak

Limbang

- Masjid Jannatul Firdaus, Limbang

Lawas

- Masjid Besar, Lawas

Bintulu

- Masjid Assyakirin, Kidurong
- Masjid Daerah Tatau, Tatau


Secara keseluruhannya, telecentre masjid memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan komuniti Islam yang berpengetahuan dan berkemahiran digital. Dengan menyediakan akses kepada teknologi dan sumber-sumber digital, telecentre masjid bukan sahaja meningkatkan kemahiran dan pengetahuan komuniti, tetapi juga memperkukuhkan peranan masjid sebagai pusat ilmu dan komunikasi dalam era digital ini.

CADANGAN & KOMEN

ASSALAM | BULETIN MAJLIS ISLAM SARAWAK

Sila imbas kod QR yang disediakan
untuk mengisi borang maklum balas,
cadangan & komen

Scan QR code



Sekretariat Buletin Majlis Islam Sarawak
Islamic Information Centre Sarawak
KCLD, Blok 10, Jalan Ong Tiang Swee,
93200, Kuching, Sarawak

ASSALAM EDISI KHAS 2024

ISSN 2948-4103



9 772 948 410 005